



## KENYATAAN MEDIA

### Gelombang Pengundi Muda #tonggaknegara

---

Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES) salah sebuah agensi di bawah Kementerian Belia dan Sukan (KBS) dengan kerjasama UNITAR International University telah menganjurkan Persidangan Meja Bulat/Round Table Discussion (RTD) bertajuk Gelombang Pengundi Muda #tonggaknegara di Petaling Jaya hari ini.

Program RTD ini merupakan sebuah program yang dilaksanakan secara berkala setiap tahun untuk membincangkan hasil kajian IYRES atau isu semasa yang melanda golongan belia. Tajuk Gelombang Pengundi Muda kali ini dipilih untuk mendapatkan maklumat yang jelas berkaitan aspirasi anak muda dalam politik negara.

Menyediakan platform dalam memberi penerangan dan maklumat yang jelas berkaitan landskap pengundi muda, program RTD kali ini juga dianjurkan bagi membuka peluang kepada peserta untuk menyuarakan idea, pandangan, cadangan dan maklum balas berkaitan Undi 18 selaras dengan hasrat murni YB Dato' Sri Reezal Merican Naina Merican, Menteri Belia dan Sukan yang sangat komited dalam merealisasikan Undi 18.

Program ini melibatkan penyertaan daripada ahli-ahli Kementerian, Agensi, Ahli Akademik, Persatuan Belia, Non-Governmental Organization (NGO) dan golongan belia secara individu. Sesi perkongsian ilmu ini menjadikan IYRES secara khususnya dan KBS secara amnya sebagai pusat rujukan ilmu melalui jempunan pakar dari pelbagai bidang untuk berkongsi pengetahuan dan pandangan berhubung landskap pengundi muda.

Diharapkan program ini dapat membuka mata umum tentang kepentingan peranan belia dalam mendaftarkan diri sebagai pengundi pada masa akan datang. Selain itu, ia juga dapat meningkatkan pengetahuan golongan belia untuk menjadi pemimpin negara pada masa hadapan.

**INSTITUT PENYELIDIKAN PEMBANGUNAN BELIA MALAYSIA (IYRES)  
10 APRIL 2021**

**Untuk pertanyaan media, sila hubungi:  
Unit Komunikasi Korporat, Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES)  
Tel: 03-8871 3337 / 3753**